

Surat khabar: Berita Harian (Wilayah)

Hari/Tarikh: 18/5/2016

Muka surat: 9

Tajuk : AEC lonjak ekonomi Sarawak

BH Rabu, 18 Mei 2016

Ms.9

→ WILAYAH

AEC lonjak ekonomi Sarawak

➔ Usahawan tempatan patut rebut peluang tembusi pasaran serantau

Oleh Mohd Aidil Abdullah
bhnews@bh.com.my

► Kuching

Pengwujudan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) perlu dimanfaatkan industri di Sarawak dalam usaha memperluaskan jaringan perdagangan, sekali gus membantu meningkatkan prestasi eksport negeri ini.

Menteri Kerajaan Tempatan Sarawak, Datuk Dr Sim Kui Hian, berkata inisiatif itu berupaya menghasilkan impak positif terhadap negeri ini, khususnya dalam memperkukuhkan kedudukan ekonomi semasa.

"ASEAN dikenal pasti sebagai pasaran perdagangan ketiga terbesar di dunia, sekali gus menjanjikan pelbagai potensi yang harus dimanfaatkan oleh pemain pelbagai industri di Sarawak.

"AEC boleh membantu pengusaha tempatan mewujudkan ja-

ringan perdagangan yang lebih berkesan pada peringkat serantau, sekali gus memperluaskan pasaran produk atau perkhidmatan masing-masing," katanya.

Beliau berkata ketika mewakili Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem, merasmikan Persidangan Usahawan ASEAN-China 2016 (ACE2016) di sini, kelmarin.

Yang turut hadir ialah Konsul Jeneral Konsulat China di Kuching, Fu Ji Jun; Setiausaha Agung Pusat ASEAN-China (ACC), Yang Xiuping dan Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi.

Potensi jadi kuasa ekonomi

ACE2016 dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta mendapat sokongan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Kui Hian berkata, Sarawak mempunyai pelbagai potensi untuk muncul sebagai kuasa ekonomi pada peringkat serantau.

Perkasa sosioekonomi rakyat
Katanya, usaha itu bertepatan dengan matlamat kerajaan negeri menjadikan Sarawak sebagai negeri maju berpendapatan tinggi, sekali gus membantu memperkayakan sosioekonomi rakyat.

"Jika mahu maju, jangan gentar meneroka pasaran luar yang terbentang luas in dan jangan takut dengan persaingan. Peranan usahawan penting untuk memperkukuhkan kedudukan ekonomi Sarawak.

"Selain Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE), Sarawak berpotensi dalam bidang pelancongan, penjagaan kesihatan dan pelbagai sektor lain," katanya.

Persidangan ACE2016 disertai 500 delegasi, termasuk dari Amerika Syarikat dan Eropah.



ASEAN dikenal pasti sebagai pasaran perdagangan ketiga terbesar di dunia, sekali gus menjanjikan pelbagai potensi yang harus dimanfaatkan oleh pemain pelbagai industri di Sarawak"

Sim Kui Hian,
Menteri Kerajaan
Tempatan Sarawak